

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Rakyat perlu jujur jika mahu ke Fasa Endemik

Individu positif perlu lapor dalam MySejahtera, tak menipu ujian RTK untuk dapat cuti

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Rakyat di negara ini hanya boleh memasuki Fasa Endemik sekiranya mereka bertanggungjawab serta jujur termasuk tidak menipu keputusan ujian kit saringan pantas (RTK) antigen bagi mendapatkan 'cuti percuma'.


Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata masyarakat tidak boleh bergantung kepada kerajaan semata-mata dalam isu penguatkuasaan, sebaliknya tugas berkenaan perlu dipikul bersama.

Disebabkan itu, Khairy berkata, kerajaan memudahkan masyarakat dengan hanya melaporkan ujian sendiri berkenaan dalam MySejahtera tanpa memerlukan mereka membuat saringan profesional.

"Bila sudah memasuki Fasa Peralihan Endemik, kita perlu bergantung kepada solidariti dalam komuniti. Jika kita nak syaratkan (majikan) untuk mengiktiraf individu berkenaan sebagai positif COVID-19 dengan hanya keputusan saringan secara profesional, ia memerlukan kos yang tinggi.

"Sebab itu kita minta mereka membuat ujian sendiri dan kosnya lebih murah tidak sampai RM10, keputusan ini untuk memudahkan masyarakat untuk masuk ke Fasa Peralihan Endemik.

"Tak mungkin semua perkara kerajaan perlu pantau, nak kena



Khairy menyampaikan sijil MyCHAMPION kepada wakil Duta Kenali Ubat Anda pada majlis pelancaran 'MyCHAMPION Peringkat Kebangsaan, di Sepang, semalam.

(Foto BERNAMA)

buat penguatkuasaan kompaun atau denda. Jadi saya merayu kepada rakyat Malaysia bila kita sudah beri tanggungjawab ini kepada anda iaitu dengan membuat ujian sendiri, anda mestilah jujur.

"Jangan semata-mata nak ponteng kerja, pergi laporkan keputusan positif palsu, ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab," katanya selepas Majlis Pelancaran Malaysian Community Health Agent (MyCHAMPION) Peringkat Kebangsaan, di Sepang, semalam.

Kelmarin BH melaporkan penipuan keputusan RTK antigen untuk mendapat 'cuti percuma' perlu dibendung lebih awal sebelum ia menjadi budaya atau kebiasaan di tempat kerja.

Presiden Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH), Dr Shawaludin Husin, dilaporkan berkata tindakan tidak bertanggungjawab itu didapati berlaku kerana prosedur saringan adalah mudah dan longgar, yang mana pekerja hanya perlu melaporkan keputusan RTK antigen dalam aplikasi MySejahtera serta memaklumkan kepada majikan.

Dalam pada itu, Khairy memaklumkan sekiranya majikan berkenaan meminta pekerjaannya membuat ujian profesional serta didapati pekerja berkenaan menipu, tindakan undang-undang boleh diambil.

"Kalau nasib tak baik dan 'kantoi' kita boleh ambil tindakan undang-undang kerana adalah menjadi satu kesalahan salah lapor pada aplikasi MySejahtera," katanya.

Khairy berkata, disebabkan ada pihak tidak bertanggungjawab, beliau terpaksa meneliti semula kelengkapan syarat untuk memendekkan tempoh isolasi bagi kes positif COVID-19.

"Sekarang tempoh isolasi adalah tujuh hari, ada cadangan yang diberikan bahawa sekiranya individu berkenaan membuat ujian saringan sendiri pada hari kelima dan keputusannya negatif, jadi individu berkenaan sudah tidak perlu menjalani kuarantin dalam tempoh yang ditetapkan.

"Namun, keputusan itu tidak dapat diputuskan lagi, sebab saya risau terjadinya kes penipuan seperti ini. Saya percaya bila masyarakat sudah mula boleh di-

percaya kita akan umumkan syarat berkenaan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Khairy berkata, berkemungkinan Malaysia juga akan menjalani kajian sama ada plastik kini berada dalam sistem darah manusia seperti yang dilaporkan oleh saintis Belanda.

"Saya terkejut dengan dapatan kajian saintis Belanda ini, jadi saya akan bangkitkan isu ini kepada Institut Pendidikan Kesihatan dan mungkin kita akan buat kajian berkenaan di negara ini," katanya.

Terdahulu, Khairy dalam ucapannya memaklumkan saintis di Belanda melaksanakan kajian terhadap 22 individu dan menerusi sampel darah yang diberikan, dapatan mendapati 80 peratus daripadanya mempunyai kandungan microplastik dalam darah mereka.

Antara kandungan microplastik itu termasuklah jenis plastik yang digunakan untuk botol air mineral serta bekas polisterin. Kandungan plastik dalam darah berkenaan disebabkan penggunaan plastik yang berleluasa sehingga memberi kesan kepada jangka hayat dan kesihatan.

Larangan merokok generasi selepas 2005

Akta baharu akan dibentang di Parlimen Julai depan

Sepang: Akta baharu bagi melarang kegiatan merokok dan pembelian sebarang produk merokok, termasuk rokok elektronik (vape), ke atas generasi yang lahir selepas 2005 atau dikenali sebagai *Generational End Game*, akan dibentangkan di Parlimen pada sesi Julai depan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata akta itu sedang dimuktamadkan oleh Jabatan Peguam Negara dan berkemungkinan diselesaikan dalam tempoh satu atau dua minggu lagi.

"Ia kemudian akan dibawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan dan Inovasi," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Community Health Agent (MyCHAMPION) Peringkat Kebangsaan 2022, di Sepang, semalam.

Pada 17 Februari lalu, Khairy dipetik berkata, akta baharu berkaitan rokok akan diperkenalkan terhadap generasi muda yang lahir selepas 2005.

Ia bagi mengurangkan keterdedahan generasi akan datang kepada rokok dan produk tembakau, kerana pengambilannya adalah faktor utama kanser dan menyumbang 22 peratus kematian akibat kanser.

Terdahulu dalam ucapannya, Menteri Kesihatan meminta sukarelawan bawah MyCHAMPION untuk bersama-sama Kementerian Kesihatan (KKM) menjadikan Malaysia negara bebas rokok.

"Saya meminta anda mengamalkan konsep 'tegur kerana sayang'. Tegurlah individu yang merokok di kawasan larangan merokok ini baik-baik," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : COVID-19

21,839 kes positif direkodkan kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 21,700 kes Covid-19 atau 99.36 peratus daripada jumlah keseluruhan 21,839 kes positif harian dilaporkan kelmarin merupakan kategori satu dan dua, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, kurang satu peratus iaitu 0.64 peratus atau sebanyak 139 kes Covid-19 yang dilaporkan kelmarin dalam kategori tiga, empat dan lima.

"Kes Covid-19 kategori satu yang dilaporkan kelmarin adalah sebanyak 9,401 kes manakala kes kategori dua 12,299 kes.

"Sebanyak 60 kes atau

0.28 peratus dalam kategori tiga, 42 kes (0.19 peratus) dalam kategori empat dan 37 kes (0.17 peratus) dalam kategori lima," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Menurut Dr Noor Hisham tiada kluster baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin dan sebanyak 242 kluster didapati masih aktif setakat ini.

Beliau berkata kadar kebolehhajngkatan Covid-19 atau nilai Rt di seluruh negara yang dicatatkan kelmarin adalah 0.92 dengan Selangor merekodkan kadar tertinggi iaitu 1.05 manakala kadar paling rendah dicatatkan di Sabah iaitu 0.63.

66.3% dewasa sudah terima dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,293,762 individu atau 36.4 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,847,758 individu atau 91.5

peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,944,865 atau 94.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sejumlah 15,595,578 individu atau 66.3 peratus populasi dewasa di dalam negara pula sudah menerima dos penggalak dan 22,947,925 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi manakala 23,224,065 atau 98.7 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.



PETUGAS perubatan memberikan suntikan dos penggalak vaksin Covid-19 kepada seorang wanita di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

MUDAHKAN WARGA EMAS TERIMA DOS PENGGALAK

SUNTIK DI RUMAH!

Kuala Lumpur

ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) akan menyediakan perkhidmatan vaksinasi terus ke rumah dikenali sebagai *Home Vaccination* kepada warga emas yang tidak dapat hadir ke pusat pemberian vaksin (PPV) berikutan masalah logistik.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Anas Alam

Faizli dalam satu kenyataan memaklumkan perkhidmatan itu disediakan bagi memperluas dan mempercepatkan vaksinasi dos penggalak, sebelum keistimewaan sivil vaksinasi penuh ditarik semula daripada penerima vaksin yang tidak mendapatkan dos penggalak sehingga 31 Mac ini.

Katanya pendaftaran bagi perkhidmatan itu boleh dibuat melalui talian penting nasional untuk *Home*

Vaccination iaitu 1700-811-007 setiap hari mulai 28 Mac dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

"Sebagai alternatif, orang ramai boleh menghantar teks melalui applikasi WhatsApp di talian +6012-6787911 dan mereka akan menerima maklum balas dalam masa satu hingga tiga hari.

"Ini adalah usaha kerjasama antara ProtectHealth dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) da-

lam menyeru semua warganegara mendaftarkan tanggungan warga emas mereka yang tidak dapat hadir ke PPV," katanya.

Pendaftaran juga boleh dilakukan melalui laman sesawang ProtectHealth iaitu https://vaksinocovid.protecthealth.com.my/register_vaccine, serta applikasi MySejahtera di bahagian Meja Bantuan dengan memilih pilihan A iaitu Janji Temu Vaksinasi Penggalak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

Oleh Noor Atiqah
Sulaiman
am@hmetro.com.my

Sepang

A kta baharu bagi melarang aktiviti merokok dan pemilikan sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik (*vape*) terhadap generasi muda yang lahir selepas 2005 atau dikenali sebagai *Generational End Game* akan dibentangkan di Parlimen, Julai ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, akta berkenaan sedang dimuktamadkan Jabatan Peguam Negara dan berkemungkinan ia akan diselesaikan satu atau dua minggu lagi.

"Kemudian ia akan dibawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen sebelum ia dibentangkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan dan Inovasi," katanya dalam sidang media selepas Majlis Pelancaran Malaysian Community Health Agent (MyCHAMPION) Peringkat Kebangsaan di Sepang, semalam.

Sebelum ini, Khairy berkata, akta baharu berkaitan rokok akan diperkenalkan terhadap generasi muda yang lahir selepas 2005 sekali gus ia dapat mengurangkan keterdedahan generasi akan datang terhadap rokok dan produk tembakau kerana pengambilannya adalah faktor utama kejadian kanser dan menyumbang 22 peratus kematian akibat kanser.

AKTA BAHARU JULAI INI

Pembentangan larangan merokok, pemilikan produk vape terhadap generasi selepas 2005



KHAIRY bersama sukarelawan pada majlis pelancaran MyCHAMPION - Community Health Agent Peringkat Kebangsaan 2022, semalam.

Dalam pada itu, ketika ucapan perasmianya Khairy turut meminta sukarelawan di bawah MyCHAMPION untuk bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas merokok.

"Saya minta untuk anda mengamalkan konsep 'tegur kerana sayang', tegurlah individu yang merokok di kawasan larangan merokok ini baik-baik. Contohnya merokok di kedai makan dan berdekatan kanak-kanak atau warga emas. Sepatutnya mereka ini faham

itu adalah amalan pentingkan diri serta melanggar undang-undang. Penguatkuasa saya tidak cukup untuk pergi ke setiap kedai makan dan memberikan kompaun kepada mereka masih degil ini, tak mungkin kita akan buat operasi ini sampai bila-bila," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Masih ada masa dapatkan dos penggalak

SEPANG - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menaruh harapan terhadap warga emas dan penerima vaksin Sinovac untuk segera mendapatkan dos penggalak sebelum kehilangan status lengkap vaksin.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, walaupun terdapat segelintir individu merungut dengan keputusan KKM membatalkan status tersebut, namun syarat yang diletakkan itu berdasarkan data bukan hanya di Malaysia tetapi juga di negara lain.

“Ada masa lebih kurang seminggu lagi. Masih sempat untuk mereka menerima vaksin (dos penggalak).”

“Semalam (Jumaat) kita sudah maklumkan cara-cara untuk mendapatkan link bagi membuat temu janji di MySejahtera,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas

Majlis Pelancaran MyCHAMPION Peringkat Kebangsaan di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Pengarah Bersama Pasukan Pengurusan Projek Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF), Datuk Dr Chong Chee Keong.

Dalam pada itu, Khairy berkata, KKM boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang didapati memalsukan keputusan kit saringan pantas (RTK) antigen dalam aplikasi MySejahtera.

“Perbuatan melaporkan keputusan saringan Covid-19 yang palsu adalah satu tindakan tidak bertanggungjawab.”

“Majikan boleh melaporkan kepada KKM sekiranya mendapati pekerja melaporkan keputusan Covid-19 yang palsu.”

“Jadi jangan sampai kita terpaksa ambil tindakan,” katanya.



Khairy (kanan) dan Dr Chong ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran MyCHAMPION Peringkat Kebangsaan di Sepang pada Sabtu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Sedang dimuktamadkan Peguam Negara, dijangka selesai dua minggu lagi

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SEPANG

RUU larangan merokok dibentangkan di Parlimen Julai ini

Rang undang-undang (RUU) larangan merokok dan pemilikan sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik (*vape*) terhadap generasi muda yang lahir selepas tahun 2005 bakal dibentangkan di Parlimen pada Julai depan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, rang undang-undang berkenaan sedang dimuktamad-

kan oleh Peguam Negara dan dijangka selesai dalam tempoh dua minggu dari sekarang.

"Insyaa-ALLAH (dibentangkan) sesi yang akan datang iaitu Julai.

"Rang undang-undang tersebut sedang dimuktamadkan oleh Peguam Negara. Saya rasa dalam tempoh seminggu dua ini dah selesai.

"(Kemudian) saya akan bawa ke Parlimen dahulu untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan dan Teknologi," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran MyCHAMPION Peringkat Kebangsaan di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Pengarah Bersama Pasukan Pengurusan Projek Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF), Datuk Dr Chong Chee Keong.

Rang undang-undang tersebut sedang dimuktamadkan oleh Peguam Negara."



RUU larangan merokok dibentangkan sebagai usaha untuk mengurangkan perokok dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Sebelum ini, Khairy mengumumkan pengenalan akta tersebut bertujuan mengurangkan keterdedahan generasi akan datang terhadap rokok dan produk

tembakau.

Ia berikutan pengambilannya adalah faktor utama kanser dan menyumbang 22 peratus kematian akibat penyakit berkenaan.



KHAIRY

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : DALAM NEGERI

Malaysia-EU bincang kekeliruan vaksin Coronavac keluaran China

Isu Sinovac selesai

Oleh MAISARAH SHEIKH
RAHIM dan AMREE AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Insiden rakyat Malaysia diusir dari beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) hanya kerana isu disuntik vaksin Sinovac bakal berakhir dalam masa terdekat.

Menurut sumber blok tersebut yang dihubungi *Mingguan*

Malaysia, ia susulan perbincangan bagi perakuan MySejahtera agar dapat diterima secara rasmi oleh kesemua 27 negara EU.

“Sebenarnya memang ada rundingan formal antara kerajaan Malaysia dengan EU untuk iktiraf aplikasi ini, sekali gus meliputi sijil digital vaksinasi Covid-19 lengkap dos pengalax,” katanya, semalam.

Berita gembira ini dijangka membolehkan sekitar 10 juta rakyat Malaysia yang diimmunisasi dari jenis Coronavac buatan Sinovac dari China akan dapat memasuki negara anggota blok itu.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, sijil vaksinasi Malaysia disahkan mematuhi spesifikasi yang

diperlukan oleh negara EU.

Beliau berkata, pihaknya telah berhubung dengan Duta EU, Michalis Rokas, Selasa lalu untuk menyenaraikan MySejahtera dalam senarai aplikasi yang diterima dan diguna pakai mereka dan ia akan diumumkan dalam masa terdekat.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Isu Sinovac selesai

Dari muka 1

“Pihak pembangun sijiil vaksinasi dalam MySejahtera telah menghubungi Duta EU. Dijangka ada keputusan daripada EU dalam tempoh dua minggu lagi,” katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dijadual bertemu Michalis Rokas dalam masa terdekat.

Beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan maklumat terperinci dari segi penerimaan vaksin itu sedangkan banyak negara lain tidak ada isu berhubung perkara berkenaan seperti Australia, United Kingdom, malah Amerika Syarikat (AS).


“Kita akan cuba dapatkan maklumat dan penjelasan dari EU berhubung perkara itu.

“Dalam kita punya syarat dalam ciri-ciri. MySejahtera sebenarnya rakyat Malaysia boleh minta dos tambahan untuk tujuan pengembaraan sekiranya mereka mahu dan kita boleh pertimbangkan,” katanya dalam sidang akhbar di Parlimen, Khamis lalu.

Utusan Malaysia Rabu lalu mendedahkan nasib penerima vaksin ini berisiko diusir keluar dari beberapa negara EU kerana ia tidak diperakui Agensi Perubatan Eropah (EMA).

Terkini, dua rakyat Malaysia diarah balik oleh imigresen Jerman Ahad lalu kerana jenama vaksin tidak diiktiraf walaupun dos penggalak ialah Comirnaty keluaran Pfizer.

Negara maju itu sebagaimana anggota EU lain cuma me-



DR. ADHAM BABA



KHAIRY JAMALUDDIN

nerima vaksin jenama Comirnaty, Spike Vax, Vax Evria, Jansson dan terkini, Nuva Voxid atas pelbagai faktor keselamatan ketat.

Mengulas lanjut, sumber EU itu berkata, proses rundingan berjalan lancar dan turut melibatkan Kementerian Kesihatan selaku pemaju MySejahtera selain diplomat Wisma Putra.

“Malaysia boleh buat pengiktirafan timbal balas sijiil vaksinasi digital antara ‘kerajaan-kepada-kerajaan’, tetapi lebih baik dilakukan secara menyeluruh dengan pihak EU,” katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan bilakah proses itu dapat dimuktamadkan namun memberi jaminan, rundingan tengah berjalan lancar dan berharap selesai tidak lama lagi.

Apabila dimeterai secara rasmi, pengembara dari Malaysia tidak perlu berasa bimbang berdepan dengan pelbagai protokol kesihatan berbeza antara

setiap negara EU selama ini.

Ketika ini, rakyat Malaysia yang ingin ke EU sama ada bercuti, bekerja atau belajar dinasihatkan agar peka dengan peraturan semasa negara itu yang mungkin boleh berubah.

Begitu juga agensi pelancongan tempatan turut diminta membuat semakan dengan kedutaan negara terbabit bagi mengelak insiden pelanggan mereka yang dihalang masuk.

Selain Jerman, difahamkan Itali, Belgium, Greece, Portugal, Luxembourg, Romania, Poland dan Czechia bertindak tegas mengusir warga asing yang menerima dos Sinovac.

Perancis dan Sepanyol pula boleh lagi bertimbang rasa membenarkan kemasukan dengan syarat disuntik dos penggalak Moderna atau Pfizer.

Penolakan vaksin China itu difahamkan atas sebab kadar keberkesanan jangkitan Covid-19 terutama risiko varian tertentu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Amaran jika tipu keputusan RTK antigen

SEPANG: Tindakan menipu keputusan kit saringan pantas (RTK) antigen bagi mendapatkan 'cuti percuma' boleh mengakibatkan mereka dikenakan tindakan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) atas kesalahan salah lapor dalam MySejahtera.

Amaran itu diberikan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berikutan tindakan segelintir pekerja yang sanggup menipu ujian sendiri Covid-19 semasa-mata mahu ponteng kerja.

Menyifatkan perbuatan itu sebagai tidak bertanggungjawab, beliau berkata, tindakan itu boleh membantutkan matlamat kerajaan untuk beralih kepada fasa peralihan bermula 1 April ini.

Beliau berkata, apabila negara memasuki fasa peralihan kelak, semua rakyat akan banyak bergantung kepada solidariti komuniti dan tanggungjawab individu.

"Ini memerlukan kepercayaan semua pihak, takkan semua benda kerajaan kena periksa dan kuat kuasa, denda atau kompaun."

"Mungkin jika nasib tidak baik, majikan mahu mereka lakukan ujian secara profesional dan di situ mereka akan kantai. Jangan pula sampai kita (Kementerian Kesihatan) ambil tindakan kerana salah lapor dalam MySejahtera," katanya dalam sidang akh-

bar selepas melancarkan My-Champion peringkat kebangsaan, di sini semalam.

Justeru, beliau merayu kepada rakyat Malaysia supaya lebih bertanggungjawab dan jujur kepada diri sendiri dan orang lain dalam membuat ujian sendiri.

Dalam perkembangan lain, Khairy berkata, pemberian kontak secara terus aplikasi MySejahtera kepada MySJ Sdn. Bhd. dibuat kerana ia kesinambungan kepada kontrak sedia ada.

Menurutnya, ia lebih kepada kesinambungan kontrak kerana mereka (MySJ Sdn. Bhd) yang membangunkan aplikasi itu daripada awal.

"Mereka ingin memberi perkhidmatan *software* dan kita cuma sambung perkhidmatan mereka untuk tempoh masa yang akan dimuktamadkan nanti."

"Buat masa ini, MySejahtera adalah dimiliki oleh KKM termasuk segala data yang berada dalam aplikasi itu," katanya.

Justeru, katanya, tiada isu keselamatan data kerana ia dikendalikan oleh KKM dan data itu tidak boleh digunakan untuk matlamat lain selain memantau pandemik Covid-19.

"Ada pihak yang mahu guna data MySejahtera untuk tujuan komersial tapi saya tidak benarkan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : DALAM NEGERI

Lampir data sebelum lupus status vaksinasi

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan perlu melampirkan data dan kajian yang lebih teliti khususnya data tempatan sekiranya benar mahu mengambil tindakan lupus status vaksinasi lengkap selepas penerima vaksinasi jenis Sinovac tidak melengkapkan dos penggalak.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Prof. Dr. Mohamed Rusli Abdullah berkata, sebelum sesuatu arahan atau tindakan itu diambil, seeloknya hasil kajian dikongsi dahulu kepada pakar dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) profesional.

Katanya, ini bagi membolehkan pakar dan NGO profesional meneliti secara jelas dan menyokong tindakan yang diambil berdasarkan data dan kajian yang dikongsikan itu.

“Saya tak kata (lupus status vaksinasi lengkap penerima Sinovac) tak wajar, tetapi sekiranya kita tidak ada data untuk menyokong apa yang nak kita lakukan, maka kita perlu hold on sehingga dapat bukti yang jelas.

“Bagi saya, semua dapatan kajian dari Kementerian Kesihatan yang sedang dijalankan

sama ada positif atau negatif perlu dikongsi.

“Jadi, untuk persatuan dan golongan profesional menyokong (tindakan) pun senang jika ada data yang dikongsi,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kewajaran Kementerian Kesihatan melupuskan status vaksinasi lengkap penerima vaksin primer Sinovac sekiranya tidak mendapatkan dos penggalak.

Ini susulan dua juta penerima vaksin itu berisiko untuk hilang status lengkap vaksinasi mereka pada 1 April.

Pada 7 Februari lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dilaporkan berkata, semua individu berusia 60 tahun ke atas atau penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun ke atas perlu mengambil suntikan dos penggalak bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap sebelum 1 Mac 2022, tempoh itu kemudian dilanjutkan sehingga 31 Mac ini.

Menurut Mohamed Rusli, bukti dan asas yang kukuh perlu diketahui sama ada ia melindungi orang ramai sekiranya penerima vaksinasi jenis Sinovac enggan mengambil dos penggalak.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION



A woman holding a baby waiting for her turn at a Covid-19 Assessment Centre in Kajang on Friday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

AGENTS ON THE GROUND

'GOVT TO EASE POLICING, EMPOWER COMMUNITY'

Vital to strengthen people's sense of responsibility on road to Covid endemicity, says Khairy

NURADZIMMAH DAIM
SELANG
news@nst.com.my

AS the country transitions to Covid-19 endemicity from April 1, community empowerment is more crucial than ever.

Health Minister Khairy Jamaluddin said community solidarity is important in "the evolution of the pandemic", with fewer severe Covid-19 cases being treated in hospitals today.

"When we look back to June, July and August last year, we faced the deadly Delta variant wave. We didn't have enough beds in the ICU (intensive care unit) for critical patients.

"Today, our ICU utilisation rate is less than 30 per cent. I'm not only looking at the number of cases. If a majority of the cases are admitted to the hospital or fatal, I wouldn't dare to recommend the transition phase," he said in a speech at the launch of the health community agent, MyCHAMPION, a national volunteer programme.

He said some 97 per cent of

active Covid-19 cases were undergoing home quarantine and did not need treatment in hospital.

He said preventive measures like wearing face masks in public and conducting Covid-19 self-tests are still necessary during the transition to endemicity.

"For two years, the government has been enforcing compounds and fines (for Covid-19 standard operating procedure violations) and interventions.

"We aim to reduce Covid-19 policing and leave it to the community as we transition to the endemic phase. This is a crucial phase, so we need to enhance community empowerment. We need agents on the ground from the grassroots level to improve the sense of responsibility."

He said the initiative under Agenda Nasional Malaysia Sihat also aimed to encourage healthy lifestyles and the new norm, improve public health, improve cleanliness of the environment and included vaccine drives run by volunteers appointed by the Health Ministry.

Equally important, he said, was improving public awareness of cardiovascular disease, diabetes and cancer, which were among the top non-communicable diseases (NCD) in Malaysia.

"I'm confident we can face health challenges for years to come. If we leave things be, we won't have enough budget to treat Malaysians in future.

"If we cannot address this prob-

lem through prevention, our healthcare system will be burdened. We have to start now and not wait for the 'NCD bomb' to go off or when our country becomes an ageing nation."

Khairy said among the ways to achieve a healthier nation is behavioural change, as seen during the pandemic when people practised self-discipline by wearing a face mask and maintaining physical distancing to prevent Covid-19 infection.

He said understanding one's health status is the first step in protecting health and one of MyCHAMPION's aims is to promote government initiatives like PeKa B40, a free health screening programme for the low-income group launched in 2019.

He said to date, only about 500,000 out of five million individuals eligible for the programme had made use of it.

He said the Health Ministry would work with other agencies like the Youth and Sports Ministry to promote healthy lifestyles and the Housing and Local Government Ministry to improve cleanliness of the environment to prevent diseases like dengue.

He said MyCHAMPION could support efforts to deter smoking and make Malaysia a smoke-free nation.

Page 1 pic: People wearing face masks on their commute at the Wangsa Maju LRT station in Kuala Lumpur yesterday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS/NATION

TOWARDS A SMOKE-FREE NATION

SMOKING 'END GAME' BILL TO BE TABLED IN JULY

Bill aims to outlaw tobacco product possession by people born after 2005

NURAZZIMMAH DAIM
SEPAANG
news@nst.com.my

A NEW law to ban smoking and the possession of tobacco products, including electronic vaporisers, by people born after 2005 will be tabled in Parliament in July.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the draft bill was being finalised by the Attorney-General's Chambers and expected to be completed in the next two weeks.

"I will then present it to the parliamentary health, science and technology special select committee.

"Insha-Allah, the bill will be tabled in the next Parliament session," he said at the launch of the

health community agent, MYCHAMPION, a national volunteer programme.

Khairy previously said the law, described as a "Generational End Game" for smoking in the country, would help reduce future generations' exposure to cigarettes and tobacco products.

"If you are 17 years old and Parliament passes the law, you will never be able to buy cigarettes in this country ever again," he was reported as saying.

Tobacco use accounts for 25 per cent of all cancer deaths globally and is the primary cause of lung cancer, according to the World Health Organisation.

Later at the launch of the ministry's Pre-dialysis Education Programme, Khairy said Pahang would be the first state in the east coast to run a module to help chronic kidney disease patients in stages four and five to obtain information on treatment and sustainability.

He said the programme was developed by medical experts under the Mybuahpinggang platform, with the support of Baxter Healthcare, the ministry's Nephrology



Northeast District Health Office worker Mohamad Fakhri Abdul Manaf holding up a tube containing a cigarette seized from a smoker who violated smoking rules at a food court in Lorong Kulit, George Town, recently. PIC BY MIKAIL ONG

Services and several other organisations.

It will be introduced to chronic kidney patients at health clinics in the state.

"This programme will be introduced to early chronic kidney disease patients at health clinics with the cooperation of the ministry's family health development division.

"Patients will be educated on the level of their disease and the options for treatment. When the patients go into stage 4, they will be referred to nephrology specialists to decide on the treatment.

"This effort will begin in Pa-

hang, then Kelantan and Terengganu. When the best model is obtained through data and research, we will expand it to the entire country as early as next year."

Khairy said the latest data from the Malaysian Dialysis and Transplantation Registry showed there were 49,111 dialysis patients in the country, with most on haemodialysis treatment and the rest on peritoneal dialysis.

He said there were about 8,000 new kidney disease patients every year and the number was expected to grow.

"There are 4,722 patients waiting to undergo kidney transplants.

The best treatment for end-stage patients is a kidney transplant.

"The ministry will intensify organ donation campaigns and study the National Transplant Resource Centre to strengthen its role.

"Organ donation registration drives can also be brought back to allow people to sign up as donors.

"The ministry will also study and develop mechanisms to identify potential donors among brain dead cases. I will hold engagement sessions with specialist doctors, especially those in intensive care units, to look into ways we can enhance this together."

MILD INFECTIONS

Health D-G: 99.36pc of Friday's new cases in categories 1 and 2

KUALA LUMPUR: A total of 21,700 (99.36 per cent) out of the 21,839 new Covid-19 cases reported on Friday are in categories 1 and 2, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Only 139 cases (0.64 per cent) are in categories 3, 4 and 5, he said yesterday.

A Category 1 Covid-19 infection is mild and Category 5 is severe.

"The number of Category 1 cases reported yesterday (Friday) is 9,401 and for Category 2, 12,299.

"Sixty cases or 0.28 per cent are in Category 3, 42 cases or 0.19 per

cent in Category 4 and 37 cases or 0.17 per cent in Category 5."

Dr Noor Hisham said no new Covid-19 clusters were reported on Friday and the number of active clusters remained at 242.

He said the national Covid-19 infectivity rate (Rt) was at 0.92 on Friday, with Selangor registering the highest Rt at 1.05 and Sabah the lowest at 0.63.

Two states and two federal territories registered a Covid-19 critical care or intensive care unit (ICU) bed-use rate of 50 per cent or more, with Putrajaya the high-

est at 100 per cent.

The others are Kuala Lumpur at 67 per cent, Johor at 55 per cent and Selangor at 51 per cent.

A total of 1,293,762 children aged 5 to 11, or 36.4 per cent of the age group's population in Malaysia, have received the first dose of a Covid-19 vaccine under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children up to yesterday.

According to data on the Covid-Now portal, 2,847,758 adolescents aged 12 to 17, or 91.5 per cent of the age group's population, were fully

vaccinated, and 2,944,865 (94.6 per cent) had received at least one dose of a Covid-19 vaccine.

A total of 15,595,578 people (66.3 per cent of the adult population) had received a booster dose, 22,947,925 (97.5 per cent) were fully vaccinated and 23,224,065 (98.7 per cent) had received at least one dose of a Covid-19 vaccine.

On Friday, 33,034 doses of Covid-19 vaccines were administered, involving 12,567 first doses, 1,297 second doses and 19,170 booster doses.

The cumulative doses admin-

istered under the Covid-19 National Immunisation Programme now stand at 68,642,700.

According to the Health Ministry's GitHub portal, 52 Covid-19 deaths were recorded on Friday, with Selangor having the highest number — 11.

There were eight deaths each in Johor and Kedah and six each in Pahang and Perak. Penang recorded four deaths, and Kelantan and Sabah two each. Melaka, Negri Sembilan, Perlis, Sarawak and Terengganu had one death each.

Bernamea

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Pre-dialysis education programme at all govt health facilities

PUTRAJAYA: A pre-dialysis education programme specifically for stage four and five chronic kidney patients will be introduced in all government health facilities nationwide beginning next year, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

He said the special module would be implemented comprehensively once the Health Ministry (MOH) had obtained the best model through data and research.

"For a start, this programme will commence in Pahang before being implemented in Kelantan and Terengganu," he said during his speech at the launch of the Kidney Ambassador and Pre-Dialysis Education Programme organised by the National Kidney Foundation of Malaysia (NKF) here yesterday.

Khairy said the programme, developed by a group of medical experts, was expected to provide important information to the patients as well as help them choose the appropriate type of treatment.

"Health education activities like these are among the ways we (MOH) empower the public, patients and family members to be more responsible for their own health," said Khairy, who was also appointed as a Kidney Ambassador.

He said the ministry's evaluation of the programme done abroad in 2020 had found that it was effective in increasing the knowledge of patients and family members, improving kidney transplants and helping patients choose dialysis treatment at home, namely peritoneal dialysis or conservative treatment (without dialysis), Bernama reported.

Apart from the programme, Khairy said the MOH had launched the website www.mybuahpinggang.com on Dec 27, 2020, and the 'MYBuahPinggang' Facebook page on Aug 18, 2019, as a medium for sharing and delivering accurate information on kidney disease and treatment methods.

Sharing the latest data from the "Malaysia Dialysis and Transplantation Registry", Khairy said there were 49,111 kidney patients undergoing dialysis treatment either by haemodialysis or peritoneal dialysis.

He said there were 8,000 new kidney patients diagnosed within a year in the country.

"The data also shows that there are currently 4,722 kidney patients waiting for a transplant," he said.

Meanwhile, he said the ministry was also looking into developing a mechanism to identify potential cases as organ donors among brain-dead patients.

"I will engage with specialist doctors, especially those who work in the Intensive Care Unit to see the improvement measures that we can come up with together," he added.

Number of family physicians still low

KUALA LUMPUR: The number of family medicine specialists (FMS) in the country is still low compared to the actual need of one specialist per population of 50,000 while the ideal ratio is 1:4,000, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said that as of December 2021, there were only 924 FMS in the

country, including 625 currently serving in 397 health clinics of the Health Ministry (MOH).

"Currently, MOH is targeting at least one FMS person in every 1,060 MOH health clinics nationwide," he said in a Facebook post on Saturday in conjunction with the Academy of Family Physicians of Malaysia (AFPM) 2022 Convocation.

Dr Noor Hisham said family medicine specialist training was now offered at six local universities for the Master of Family Medicine and through a parallel route under the programme offered by AFPM, Bernama reported.

"Hopefully, this fraternity will continue to grow and more medical officers choose this speciality so

that the health of individuals, families and communities will improve until the concept of One Family One Doctor is achieved," he said.

Earlier, he thanked Yang di-Pertuan Besar of Negri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, the patron of AFPM, for gracing the convocation and receiving the AFPM honorary fellow degree.

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Covid variants emerging locally possible, says virologist

Virologist Prof Dr Sandy Loh of University of Nottingham Malaysia said while there is a high risk of Covid-19 patients spreading the disease during the identification of voters (removing masks for identification), having isolated voting centres for Covid-positive voters might not work out.

"If isolated voting for Covid-19 patients is proposed, a substation for polling requires healthcare workers to take care of the substation, putting efforts to achieve the transmission blocking objective or minimising the negative impact. With rising cases, healthcare workers are fully occupied and containment at the substation, disinfection measures and post-election surveillance will cost a lot," she pointed out.

Loh added that a better option would be to have an isolated voting centre for Covid-19 patients at a healthcare setting like a hospital instead.

"This will aid expert healthcare personnel and facilities to better contain the spread of infection," she said.

"Deltacron, a recombinant virus between both the Delta and Omicron variants, arises when more than one variant infects and replicates in the same person. This same scenario can apply to Malaysia, hence, locally emerging variants are possible," she cautioned.



From front page